

UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATUK KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA**

SEMPENA

**MAJLIS KONVOKESYEN PROGRAM SISTEM
LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) DAN
PENINGKATAN KEMAHIRAN PEKERJA
INDUSTRI.**

BERTEMPAT DI

**DEWAN KULIAH UTAMA,
KOLEJ TEKNOLOGI TERMAJU (ADTEC JTM)
KAMPUS TANGKAK**

PADA

18 NOVEMBER 2025 (SELASA)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Terima kasih kepada saudara dan saudari Pengacara Majlis.

Yang Berusaha, Encik Ahmad Jefri bin Sabri
Pengarah ADTEC JTM Kampus Tangkak,

Yang Berusaha, Puan Norasmah binti Daud
Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Selatan,

Yang Berusaha, Mr. Aliou Lo
Group Vice President, General Manager of Muar, Back-End
Manufacturing And Technology,
ST Microelectronics Sdn. Bhd,

Yang Berusaha, Mr. Michael Loke Yew Seng,
General Manager of Human Resource And Administration,
V.S Industry Berhad,

Yang Berusaha, Encik Mohd Fadriz bin Hashim
Manufacturing Senior Manager,
Micron Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd.

Yang Berusaha, En. Sumip Bin Salleh.
Assistant Factory Manager,
Top Empire Sdn Bhd,

Wakil-wakil Jabatan dan Agensi, para tetamu jemputan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Para ahli keluarga graduan yang saya hormati, serta yang diraikan para graduan yang saya kasihi sekalian.

1. Terlebih dahulu, izinkan saya menzahirkan rasa kesyukuran kerana pada pagi ini kita dapat berkumpul di Dewan Kuliah Utama Kolej Teknologi Termaju (ADTEC JTM) Kampus Tangkak bagi menjayakan Majlis Konvokesyen Sistem latihan Dual National (SLDN) dan Peningkatan Kemahiran Pekerja Industri 2025.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran semua para tetamu, terutamanya para graduan yang kita raikan serta ahli keluarga yang hadir pada hari ini.
3. Untuk makluman para hadirin, Majlis Konvokesyen pada kali ini diadakan adalah khusus untuk meraikan para graduan Program Sistem latihan Dual National (SLDN) berinsentif dan Program Pencapaian Pengalaman Terdahulu (PPT) yang telah dilaksanakan secara kerjasama di antara ADTEC JTM Kampus Tangkak bersama Syarikat ST Microelectronics Sdn Bhd, syarikat MICRON Semiconductor Sdn Bhd, syarikat V.S Industry Bhd. dan Top Empire Sdn Bhd. Untuk makluman, Program SLDN berinsentif yang telah dijalankan adalah mendapat geran tajaan daripada pihak JPK, dengan penyediaan insentif-insentif kepada graduan, syarikat dan juga penyedia latihan. Tanpa kerjasama ini, program ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang telah diberikan selama ini.

4. Pada Majlis Konvokesyen ini, kita meraikan pekerja-pekerja industri dari syarikat ST Microelectronics Sdn Bhd, MICRON Semiconductor Sdn Bhd, V.S Industry Bhd, dan Top Empire Sdn Bhd yang telahpun berjaya menamatkan latihan melalui Program TVET PPT dan SLDN Tahap 3 bagi bidang *Pemasangan Sistem Kejuruteraan Automasi* dan bidang *Pengeluaran Pemasangan Semikonduktor*. Sesungguhnya kesungguhan saudara saudari dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran haruslah dicontohi oleh semua lapisan masyarakat dan ianya menjadi indikator bahawa pembelajaran tidak akan terhenti dan perlu diteruskan sebagaimana kata-kata John Dewey *“The goal of education is to enable individuals to continue their education”*.

5. Pertumbuhan ekonomi negara disokong oleh sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (atau ringkasnya TVET) yang telah memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga mahir yang diperlukan oleh pelbagai sektor pekerjaan di Malaysia. Kini, terdapat 33 buah kampus ADTEC JTM di seluruh negara di bawah Jabatan Tenaga Manusia. Dengan adanya kolej latihan ini, saya percaya akan wujud lebih banyak peluang untuk warga tempatan mengikuti pengajian dan latihan dalam bidang teknikal dan vokasional dan seterusnya menyumbang sebagai tenaga mahir negara. Untuk pengetahuan hadirin sekalian, kebolehpasaran graduan ADTEC JTM pada tahun 2025 telah mencatat kadar yang tinggi iaitu sebanyak 95.5%, melepasi purata kebolehpasaran kebangsaan 94.5 peratus. Justeru, kerajaan akan terus memperkukuh penawaran dalam bidang TVET bagi memastikan peranannya kekal sebagai pemacu utama pembangunan tenaga kerja di Malaysia.

Para hadirin yang dihormati,

6. Sesungguhnya pekerja mahir ialah modal insan yang penting bagi memastikan kesinambungan dalam aspek pembangunan ekonomi di negara kita. Para graduan yang ada di hadapan saya ini merupakan generasi pelapis yang akan meneruskan usaha generasi terdahulu dalam membangunkan negara kita agar menjadi sebuah negara maju dan berteknologi tinggi.
7. Kepada para graduan, saya ingin berpesan kejayaan hari ini bukanlah noktah, tetapi permulaan kepada perjalanan baharu dalam kerjaya anda. Teruslah menimba ilmu dan kemahiran baharu agar kekal relevan dan berdaya tahan dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif. Gunakanlah semua ilmu dan pengalaman yang diperoleh untuk mencipta nilai tambah (*value creation*) dalam kerjaya masing-masing, seterusnya menjadi duta TVET yang membanggakan.
8. Saya amat percaya Majlis Konvokesyen ini amat bermakna buat para graduan. Ini adalah hari di mana graduan sekalian diiktiraf atas kejayaan yang telah dicapai. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada para graduan atas daya usaha, kegigihan dan kesabaran dalam mengharungi alam pembelajaran di ADTEC JTM Kampus Tangkak. Ternyata segala usaha dan pengorbanan saudara dan saudari akhirnya telah membuahkan hasil.
9. Syabas dan tahniah juga kepada para ahli keluarga graduan sekalian atas dorongan, pengorbanan dan kepercayaan yang diberikan kepada para graduan sehingga mereka berjaya di dalam pelajaran mereka. Saya percaya bahawa kejayaan para graduan

pada hari ini adalah juga kejayaan ibubapa, suami mahupun isteri graduan dan juga ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan juga memberikan semangat tanpa jemu. Kepada para graduan, hargailah jasa ibu-bapa mahupun pasangan yang sentiasa bersama-sama anda semasa mengharungi saat-saat susah dan senang. Semoga saudara dan saudari akan menjadi insan yang berjasa kepada ibu-bapa dan keluarga, dan pada masa yang sama menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara.

Para hadirin hadirat yang dihormati,

10. Di JTM kami mengamalkan nilai KITA dalam melaksanakan tugas seharian – Kebersamaan Ini Tiada Akhirnya. Kami ingin menyeru agar kebersamaan ini juga dapat diperluaskan kepada pihak-pihak industri, kebersamaan dalam usaha memartabatkan TVET di Malaysia. Untuk makluman rakan-rakan industri yang hadir pada hari ini, ADTEC JTM adalah merupakan penyedia latihan kemahiran (*training provider*) kepada belia lepasan sekolah dan juga pekerja industri. Namun, kami menghadapi kekangan dan cabaran dari segi perolehan mesin, peralatan dan bahan-bahan latihan yang terkini dan termaju kepada 33 kampus yang ada.
11. Oleh itu saya percaya kebersamaan dalam bentuk kolaborasi antara ADTEC JTM dan industri khususnya dalam memberi sumbangan mesin, peralatan, penempatan Latihan Sangkutan Industri (*Industrial Attachment*) pengajar, penajaan kursus peningkatan kemahiran pengajar di dalam mahupun luar negara dan lain-lain mampu merealisasikan usaha untuk meningkatkan mutu TVET di Malaysia. Ini adalah kerana pembangunan infra yang baik merupakan salah satu kunci utama untuk melahirkan graduan

yang berkualiti dan dilengkapi dengan kemahiran dan teknologi yang seiring dengan keperluan industri di luar sana.

Para hadirin sekalian,

12. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua warga ADTEC JTM kampus Tangkak atas sumbangan yang diberikan dalam mendidik peserta-peserta program ini sehinggalah mereka berjaya menjadi graduan yang berketerampilan dan berkualiti. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua warga ADTEC JTM Kampus Tangkak yang telah menjayakan Majlis Konvokesyen pada kali ini.

13. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua 71 graduan yang akan menerima **Sijil Kemahiran Malaysia** mereka masing-masing pada hari ini. Saya doakan agar anda semua akan beroleh kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.